

# Agensi kerajaan diminta bantu jadikan Langkawi pusat percutian

LANGKAWI 23 Sept. — Langkawi perlu dijadikan pusat tumpuan percutian bagi semua golongan rakyat negara ini kerana ia adalah warisan Malaysia, kata Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Datuk Zainal Karib Abdul Rahim.

Sejajar dengan itu, katanya, semua agensi dan jabatan kerajaan harus turut sama memberikan sokongan bagi membantu kemajuan Langkawi dengan mengadakan pelbagai program seperti persidangan, pameran mahupun hari keluarga di pulau pelancongan ini.

“Langkawi adalah warisan Malaysia iaitu sebagai pusat destinasi pelancongan di negara ini sebagaimana Phuket bagi Thailand dan Bali untuk Indonesia.

“Lada maju menjual La-

ngkawi sebagai warisan negara dan ia mesti dijadikan tempat bercuti bagi semua golongan,” katanya kepada pemberita pada hari terakhir program *Discover Langkawi* di sini hari ini.

Program empat hari bermula Jumaat lalu anjuran Persatuan Pelancongan Langkawi (LTA) dengan kerjasama Majlis Tindakan Pelancongan Langkawi (LTAC) itu disertai lebih 100 ejen pelancongan dan media termasuk dari Singapura.

Zainal Karib berkata, beliau yakin masa depan Langkawi akan terus cerah walaupun selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meletakkan jawatannya pada bulan Oktober tahun depan.

Ini kerana, katanya, Dr. Mahathir telah menggu-

nakan segala idea, pengalaman dan wawasannya untuk menjadikan pulau peranginan itu sebagai satu destinasi pelancongan antarabangsa di rantau ini.

Beliau menambah, industri pelancongan di Langkawi sejak dua tahun lalu semakin menunjukkan kemajuan setelah berjaya melalui pelbagai cabaran daripada pelancongan antarabangsa mahupun saingan antara destinasi dalam negeri.

Bagaimanapun, katanya, usaha lebih kuat perlu dilakukan untuk melengkapkan pakej pelancongan sedia ada dengan mengadakan usaha sama berbentuk lengkap-melengkapi di kalangan pihak yang berkaitan dalam industri itu bagi menarik lebih ramai pelancong.

Malah, kata beliau, bagi

meningkatkan promosi Langkawi sebagai destinasi pelancongan sektor swasta juga perlu memainkan peranan mereka dengan meningkatkan kualiti perkhidmatan dan produk pelancongan di pulau peranginan itu.

Sementara itu, Presiden LTA, I.Z. Melvin berkata, usaha mempromosi Langkawi perlu dilakukan oleh semua pihak yang terlibat dalam industri pelancongan termasuk hotel, restoran, pekedai dan agensi pelancongan.

LTA jelasnya, akan membawa lebih banyak agensi luar negara untuk melihat sendiri kemudahan dan produk pelancongan yang terdapat di pulau legenda ini dari semasa ke semasa.